



## Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13: Suatu analisis linguistik

Idris Aman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Idris Aman (email: idrisa@ukm.edu.my)

### Abstrak

Manifesto adalah pernyataan bertulis yang diwacanakan kepada publik mengenai kepercayaan, dasar, dan apa yang ingin dilakukan oleh parti politik, khususnya dalam pilihan raya sesebuah negara. Dengan demikian, manifesto dapat dilihat sebagai wadah ‘kesampaian’ parti politik dengan bakal pengundi di dalam pilihan raya. Oleh itu, bagi setiap pilihan raya – umum atau kecil – pembikinan manifesto merupakan sesuatu kelaziman dan diperkirakan penting oleh parti politik yang bertanding. Makalah ini membincangkan manifesto parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat di dalam PRU 13. Perbincangan menjurus perspektif linguistik, khususnya dalam kerangka pemikiran ‘bahasa sebagai wadah kehidupan sosial’, dengan meneliti bagaimana linguistik dimanfaatkan dan bermanfaat di dalam penghasilan manifesto bagi mencapai hasrat politik. Analisis dilakukan secara deskriptif, interpretatif, dan kritis terhadap aspek linear dan non-linear teks berdasarkan ilmu analisis wacana. Analisis deskriptif menghuraikan sifat tekstual secara mikro, seperti nahu, leksikal, dan modaliti. Analisis interpretatif pula merekonstruksi pembinaan manifesto secara makro, seperti superstruktur, interdiskursiviti, dan aspek non-linear. Analisis kritis merumuskan secara perbandingan serentak sifat mikro dan makro kedua-dua manifesto dengan memperkirakan kaitannya dengan pencapaian parti-parti politik berkenaan di dalam PRU 13 Malaysia 2013.

**Katakunci:** analisis linguistik, Barisan Nasional, manifesto, Pakatan Rakyat, Pilihan Raya Umum, wacana

## Election manifestos and the performance of main political parties in the 13th Malaysian General Election – A linguistic analysis

### Abstract

A manifesto is a written statement specifically designed during a country’s election to address and inform the public regarding a political party’s philosophy, policies and action plans. In so doing, a manifesto is seen as a means to reach potential voters by the political party. As such the very construction of a manifesto is crucial in influencing the electoral fate of any contesting political parties. This study analyses the linguistics of the Barisan Nasional and Pakatan Rakyat manifestos in the 13th GE of 2013 premised, in particular, on the theoretical framework of ‘language as a means in social life’. The focus was to examine how linguistics was capitalized and utilized in producing a manifesto that can serve and achieve a particular political interest and goal. A set of linguistic analyses was conducted, namely, the descriptive, the interpretative and the critical based on linear and non-linear aspects of texts discourse. Descriptive analysis explains micro textual features such as grammar, lexical and modality. In contrast, interpretative analysis reconstructs manifesto in macro terms such as the superstructure, inter-discursivity and non-linear aspects. Critical analysis then concludes by comparing simultaneously both micro- and macro-features of the manifestos by taking into account their relationships to the electoral performance of the political parties involved in the Malaysian 2013 GE.

**Keywords:** Barisan Nasional, discourse, general election, linguistic analysis, manifestos, Pakatan Rakyat

## Pendahuluan

Dalam setiap kali pilihan raya, suatu yang tidak ditinggalkan malah diperkirakan penting oleh parti politik yang bertanding ialah menghasilkan manifesto pilihan raya masing-masing. Untuk pilihan raya umum Malaysia ke-13 (PRU 13), Barisan Nasional (BN) telah melancarkan manifestonya dalam satu majlis secara besar-besaran oleh Pengerusinya, iaitu Dato' Seri Najib Razak pada 6 April 2013 yang turut dihadiri pemimpin parti komponen ([mforum.cari.com.my](http://mforum.cari.com.my)) dan disiarkan secara langsung di televisyen. Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Democratic Action Party (DAP) yang menamakan kerjasama mereka sebagai Pakatan Rakyat (PR) walaupun menggunakan simbol masing-masing dalam pencalonan pilihan raya tetapi telah sepakat menghasilkan satu manifesto bersama bagi menghadapi PRU 13 itu sebagai parti pembangkang utama. PR telah melancarkan manifesto PRU 13-nya jauh lebih awal, iaitu pada 25 Februari 2013 di dalam sidang media khas ([rafiziramli.com](http://rafiziramli.com)) oleh ketiga-tiga presiden parti yang berpakat menghadapi pilihan raya bersama, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato' Seri Abdul Hadi Awang, dan Lim Kit Siang.

Manifesto adalah pernyataan bertulis yang diwacanakan kepada publik mengenai kepercayaan, dasar, dan apa yang ingin ditawarkan oleh parti politik, khususnya dalam pilihan raya sesebuah negara. Dengan demikian, manifesto dapat dilihat sebagai wadah kesampaian parti politik dengan bakal pengundi di dalam pilihan raya. Oleh itu, bagi setiap pilihan raya – umum atau kecil – pembikinan dan pengwujudan manifesto merupakan suatu kelaziman dan diperkirakan penting oleh parti politik yang bertanding. Fairclough (2000), menyifatkan manifesto pilihan raya sebagai dokumen parti politik. Sewaktu berucap di dalam pelancaran manifesto PRU 13, Pengerusi BN Najib Razak menyifatkan manifesto sebagai 'aku janji' dan sesuatu yang serius (*Mingguan Malaysia* 7 April 2013; *Berita Harian* 7 April 2013a; *Sunday Times* 7 April 2013). Bagaimanapun, ada juga pemimpin parti yang melihat manifesto bukan suatu janji, misalnya Tan Sri Khalid Ibrahim, pemimpin Parti Keadilan Rakyat selaku Menteri Besar Negeri Selangor (*Sinar Harian* 27 Februari 2013; *Berita Harian* 28 Februari 2013).

Satu unsur penting yang membentuk manifesto adalah linguistik atau bahasanya. Unsur linguistik yang dimaksudkan di dalam perbincangan ini antara lain termasuklah aspek linear dan bukan linear. Aspek linear adalah aspek tekstual, seperti leksikal, nahu, daya ujaran, struktur dan organisasi teks/wacana, intertekstualiti, dan interdiskursiviti. Aspek bukan linear pula ialah semiotik. Unsur linguistik itulah yang memungkinkan apa yang hendak dimanifestokan berjaya diwacanakan.

Mengapa aspek linguistik atau bahasa? Bahasa selalunya sangat penting dalam politik dan kerajaan. Malah, perbezaan politik kerap diperlihatkan melalui perbezaan dalam bahasa. Begitu juga, pertarungan politik kerap pula merupakan sebahagian pertarungan melalui bahasa siapa yang dominan. Dengan demikian, bahasa merupakan pertimbangan yang relevan di dalam analisis politik. Kepentingan bahasa lebih ketara dalam beberapa dekad mutakhir, misalnya di Amerika Syarikat, Britain, dan di beberapa negara lain apabila perubahan sosial telah mentransformasi politik dan kerajaan (Fairclough 2000). Bahagian penting dalam perubahan tersebut ialah hubungan baharu antara politik, kerajaan, bahasa dan media massa. Maksudnya, peristiwa politik dan kerajaan kini bukan semata-mata tentang politik dan kerajaan, bahkan merupakan peristiwa bahasa dan media juga. Dengan kata lain, berlaku penggemblengan bahasa dan pemediaan (*mediatisation*) politik (Fairclough, 2000). Oleh itu, peristiwa politik kini sangat mengiktiraf dan mempertimbangkan kepentingan bahasa kerana parti politik berpandangan adalah tidak memadai bercakap tentang 'nilai' semata-mata, tetapi juga memerlukan bahasa untuk meluahkan 'nilai' yang diperjuangkan oleh parti.

'Bahasa' dalam makalah ini adalah merujuk manifesto pilihan raya umum ke-13 parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Perbincangan akan menjurus pada analisis perspektif linguistik, khususnya dalam kerangka pemikiran 'bahasa sebagai wadah kehidupan sosial'. Secara ringkas, dalam kerangka ini, bahasa bukan sahaja dilihat sebagai sistem linguistik 'kering' tetapi dilanjutkan pada melihat bahasa

sebagai manifestasi kehidupan sosial manusia, iaitu mempertimbangkan bagaimana manusia bertindak terhadap dunia melalui bahasa (Idris, 2012). Dalam hal ini, fokus analisis adalah meneliti dan menjelaskan bagaimana linguistik bermanfaat dan pada masa yang sama dimanfaatkan di dalam penghasilan manifesto sebagai suatu 'wacana' atau *discourse* bagi mencapai hasrat politik. Dengan kata lain, analisis menjurus kepada meneliti bagaimana bahasa diuruskan oleh elit politik bagi menghadapi pilihan raya, mendapatkan undi, dan selanjutnya memperoleh kuasa pemerintahan negara.

Analisis dilakukan secara deskriptif, interpretatif, dan kritis terhadap aspek linear dan non-linear manifesto berdasarkan ilmu analisis wacana (Fairclough, 1992; 1995; 2000). Analisis deskriptif akan menghuraikan ciri tekstual secara mikro aspek leksikal dan nahuan. Analisis interpretatif akan merekonstruksi sifat diskursiviti manifesto secara makro, antaranya superstruktur, intertekstualiti, interdiskursiviti, dan aspek non-linear (semiotik). Analisis kritis adalah perumusan secara pepaduan sifat mikro dan makro kedua-dua manifesto dalam kerangka 'perbezaan bahasa menggambarkan perbezaan politik dan sebaliknya' seperti dinyatakan di atas dengan turut memperkirakan kaitannya dengan pencapaian parti-parti politik berkenaan di dalam PRU 13 Malaysia pada 2013. Berikut adalah hasil analisis yang dilakukan.

### Latar belakang manifesto PRU 13 BN dan PR

Teks manifesto BN ([Barisannasional.org.my](http://Barisannasional.org.my)) mengandungi 32 halaman termasuk muka hadapan dan belakang. Warna asas adalah putih tetapi dihiasi dengan gambarfoto warna-warni pengerusi parti dan foto-foto lain yang selaras dengan isi manifesto di halaman berkaitan. Tulisan menggunakan fon berwarna biru, hitam, dan emas mengikut kesesuaian tempat dan isi. Secara umum, manifesto BN bersifat 'mesra pembaca' kerana penampilan yang menarik, santai, dan pengutaraan maklumat penting yang sistematik dalam bentuk segmen, ayat ringkas, dan senarai isi (*bullets points*) (lihat Rajah 3). Alat *bullet points* berciri 'reader-directive' (terarah kepada pembaca), serta tidak mendorong dialog (Fairclough, 2000).

Teks manifesto PR ([rafiziramli.com](http://rafiziramli.com)) pula mempunyai 35 halaman termasuk muka hadapan dan belakang. Terdapat halaman dalam yang kosong termasuk halaman belakang). Warna asas yang menonjol ialah jingga, terutama kulit hadapan dan halaman segmen utama, dan warna putih. Warna fon tulisan utama ialah hitam dan jingga bagi judul dan isi utama. Manifesto PR ini sesak dengan teks, tiada gambar foto, kecuali gambar berbentuk ikon grafik. Secara keseluruhan, manifesto PR tidak mesra pembaca, agak serius, mirip sebuah bahan ilmiah yang mempunyai senarai 'kandungan'.

Dari segi intipati, manifesto BN mempunyai bahagian rasional mengapa rakyat perlu mengundi barisan itu dan moto (*motto*) *Rakyat didahulukan* yang mengandungi 17 aku janji teras. Enam rasional dikemukakan, iaitu "Malaysia memerlukan kerajaan yang stabil dan kuat", "Rekod pencapaian", "Pengalaman", "Gerakan kesederhanaan", "Perkongsi kuasa telah teruji", dan "Memenuhi kehendak rakyat". 17 aku janji teras dalam gagasan 'rakyat didahulukan' itu ialah Menangani kos sara hidup, Meningkatkan kehidupan warga bandar, Menyediakan rumah mampu milik, Peluang mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti, Ke arah kecekapan terhebat pengangkutan awam, Pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan transformasi luar bandar, Membina ekonomi mapan, dinamik dan inovatif, Membina kecemerlangan pendidikan negara, Meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam, Memperkasa penyertaan wanita, Memenuhi aspirasi belia, Merancang jaringan keselamatan sosial, Mempromosi agama Islam, kebebasan dan keharmonian agama, Memerangi gejala rasuah, Memperkukuhkan perkhidmatan awam, menambah baik tadbir urus, Gerakan kesederhanaan global, dan Memulihara sumber semula jadi. Kesemuanya dan secara terperinci, BN menawarkan 156 'aku janji' baru untuk dilakukan dalam tempoh 5 tahun, iaitu tempoh usia sebuah kerajaan. BN juga menyatakan 113 komitmen telah dilaksanakan. Dengan strategi menyenaraikan 'aku janji' untuk tempoh 5 tahun menunjukkan bahawa BN mempunyai objektif jelas, boleh capai dan boleh ukur (*tangible*). Dengan senarai tersebut, kemudiannya memudahkan rakyat / pengundi membuat senarai semak (*check list*) sama ada yang dijanjikan dilaksanakan atau sebaliknya.

Intipati manifesto PR pula adalah berasaskan empat tonggak utama. Tonggak tersebut ialah Rakyat bersaudara, Ekonomi rakyat, Kesejahteraan rakyat, dan Kerajaan rakyat. Di bawah setiap tonggak disenaraikan perkara-perkara utama. Misalnya, di bawah tonggak Rakyat Bersaudara disenaraikan (1) Berbilang kaum saling menghormati, (2) Hapus diskriminasi, miskin dibantu, lemah dibela, (3) Wanita, warga tua dan orang asal dimartabatkan, (4) Penghormatan ikhlas kepada Sabah dan Sarawak, (5) Menghayati Islam, menjamin kebebasan agama lain, (6) Sistem pendidikan baru merangkum semua aliran.

## Sifat kewacanaan

Analisis dimensi sifat kewacanaan meneliti proses penghasilan wacana. Analisis dilakukan dengan menafsir aspek struktur generik, intertekstualiti, interdiskursiviti, dan semiotik wacana secara reproduksi.

### *Struktur generik*

Struktur generik adalah berkenaan organisasi keseluruhan teks. Van Dijk (1991) menamakan unsur ini sebagai 'skemata' wacana yang merujuk bentuk dasar abstrak. Struktur generik atau superstruktur boleh membayangkan 'hala-tuju' (*purpose-driven*) wacana (Fairclough, 2003). Malah, struktur wacana boleh memberi banyak pemahaman tentang sistem pengetahuan (pemikiran), kepercayaan atau nilai, serta andaian tentang hubungan dan identiti sosial yang terbina dalam wacana (Fairclough, 1992).


Secara perbandingan, pemikiran teras kedua-dua manifesto ini bertitik-tolak daripada struktur pemikiran 'permasalahan – penyelesaian' (*problem – solution*) (Hoey 1983). Kedua-duanya menjadikan permasalahan sebagai titik tolak dalam membentuk manifesto pilihan raya masing-masing. Tindakan begini adalah suatu yang baik kerana apabila sesuatu dilihat bermasalah maka akan ada usaha menyelesaikannya. Pemikiran begini adalah lazim bagi sesebuah parti pembangkang. Yang membezakan kedua-duanya ialah cara permasalahan diutarakan. PR mengutarakan permasalahan di dalam manifestonya melalui daya ujaran 'pernyataan'. Pernyataan permasalahan manifesto PR dimuatkan di dalam halaman 3 dengan 3 ayat penyata, iaitu "Namun, cita-cita kita direncat oleh elit kekuasaan. Rasuah dan ketamakan membarah. Rakyat dibiarkan dengan kepayahan hidup" (lihat juga Rajah 4). Bahagian-bahagian lain berikutnya di dalam manifesto itu adalah unsur penyelesaian.

Yang menariknya, BN walaupun sebagai parti pemerintah tetapi telah membentuk manifesto melalui kerangka pemikiran 'masalah-penyelesaian' juga. Struktur pemikiran manifesto BN ini berbeza dengan manifesto PRU 2004 mereka. Pada PRU 2004, struktur pemikiran dalam pembinaan manifesto BN ialah 'goal-achievement' (matlamat-pencapaian) (Idris, 2009). Permasalahan manifesto BN diutarakan secara 'soalan - jawapan'. Permasalahan manifesto BN dimuatkan di halaman 4-5 bermula dengan ayat tanya "Mengapa BN?", diikuti kapsyen "Harapan bukan suatu mimpi tetapi jalan menjadikan impian suatu realiti", dan dituruti dengan 6 jawapan teras serta perinciannya. Persembahan permasalahan dengan cara soal-jawab adalah sangat mesra pembaca sasaran kerana sasaran akan mudah dan cepat menangkap apa permasalahan yang diutarakan melalui jawapan yang dikemukakan.

Secara lebih halus, superstruktur manifesto PR terbina daripada empat subkomponen, iaitu bermula dengan permasalahan, perutusan pemimpin, penyelesaian, dan diakhiri dengan testimoni (lihat Rajah 1). Komponen perutusan tiga orang pemimpin parti PR dimuatkan di halaman 4-5. Mungkin oleh kerana menggabungkan perutusan tiga orang pemimpin, maka bahagian ini memerlukan dua halaman. Perutusan tersebut menggariskan secara umum dasar pemerintahan PR jika memenangi PRU 13 (lihat perbincangan berkaitan di bahagian Interdiskursiviti).


Komponen ketiga ialah penyelesaian. Di dalam komponen ini dikemukakan empat tonggak penyelesaian kepada permasalahan yang ditimbulkan oleh PR, iaitu Rakyat bersaudara, Ekonomi rakyat, Kesejahteraan rakyat, dan Kerajaan rakyat. Setiap komponen ini distruktur daripada dua bahagian pula, iaitu dimulai dengan titik tolak dan diikuti tawaran. Di dalam bahagian titik tolak diutarakan dan

diterangkan asas atau sikap PR terhadap tonggak (lihat Rajah 5). Di dalam bahagian tawaran digariskan tawaran dan langkah-langkah yang bakal dilakukan oleh PR jika memenangi PRU 13. Struktur akhir ialah testimoni yang ditempatkan di dua halaman akhir manifesto (lihat perbincangan di bawah).



**Rajah 1.** Struktur generik manifesto Pakatan Rakyat PRU 13

Superstruktur manifesto BN 2013, secara lebih halus, juga dibina daripada empat subkomponen tetapi agak berbeza dengan manifesto PR. Superstruktur manifesto BN bermula dengan perutusan pemimpin, diikuti dengan permasalahan, penyelesaian, dan diakhiri dengan renungan (Rajah 2). Berbanding perutusan pemimpin di dalam manifesto PR, perutusan pemimpin di dalam manifesto BN dibentuk dan dimuatkan di dalam satu halaman sahaja. Isinya padat, penyampaiannya ringkas dan mempunyai nilai sentuhan peribadi.



**Rajah 2.** Struktur generik manifesto Barisan Nasional PRU 13


Permasalahan adalah struktur kedua manifesto BN dan seperti dinyatakan di atas, permasalahan dikemukakan melalui soal - jawab. Struktur ketiga ialah penyelesaian. Bahagian ini mengandungi 17 ‘aku janji’ teras BN di dalam PRU 13 sebagai penyelesaian kepada permasalahan yang diutarakan. Berbanding manifesto PR, bahagian penyelesaian manifesto BN pula distruktur daripada tiga substruktur, iaitu titik tolak, ‘aku janji’, dan pencapaian (lihat Rajah 3). Di dalam bahagian titik tolak diterangkan situasi dan usaha kerajaan BN berkaitan masing-masing 17 ‘aku janji’ teras yang dikemukakan. Bahagian ‘aku janji’

pula merupakan senarai janji yang berkaitan masing-masing 17 ‘aku janji’ teras yang ingin dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun, manakala di bahagian pencapaian pula disenaraikan pencapaian mereka.

Bahagian akhir manifesto BN ialah renungan. Bahagian ini memetik 6 perenggan kata-kata atau ungkapan pemimpin BN, iaitu Najib Razak yang dianggap penting dalam agenda kepimpinan BN.

*Intertekstualiti*

Secara ringkas, intertekstualiti ialah suara-suara pihak lain yang digembleng sama dalam penghasilan wacana (Fairclough, 1995). Di dalam penghasilan kebanyakan wacana, pemanfaatan suara pihak lain adalah sesuatu usaha yang lazim sebagai penyokong, penguat, atau pewajar kepada suara pewartana sendiri (Idris et al, 2013). Suara pihak lain boleh dimanfaatkan antara lain melalui petikan langsung (*direct quotation*), parafrasa (*paraphrase*), petikan berpilih, praandaian (*pre-supposition*), atau metawacana (*metadiscourse*) (Fairclough, 1995; Jones, 2012). Dengan demikian, analisis intertekstualiti berguna untuk memahami strategi penghasil wacana memformulasi idea dan kepercayaan di dalam pembikinan wacananya (Bloor & Bloor, 2007) - dalam kes ini ialah manifesto pilihan raya.



**Rajah 3.** Halaman manifesto BN 2013

Daripada analisis didapati BN memanfaatkan suara pihak lain dalam pembikinan manifestonya, manakala PR tidak mempunyai aspek ini. Suara pihak lain yang diintertekstualkan dalam pembikinan manifesto BN ialah ungkapan pemimpin parti, iaitu Najib Razak. Ada dua tempat utama pemanfaatan ungkapan Najib Razak, iaitu di bahagian bawah setiap 17 ‘aku janji’ teras (hlm. 7-30; lihat Rajah 3) dan pada segmen Renungan (hlm. 31). Dengan demikian, ada 17 ungkapan Najib Razak dimanfaatkan. Suara pemimpin yang dimuatkan pada setiap penghujung ‘aku janji’ teras adalah yang selaras dengan ‘aku janji’ teras berkenaan (lihat Jadual 1). Ungkapan Najib Razak di bahagian Renungan pula berjumlah 6

perenggan. Suara Najib Razak selaku pemimpin nombor satu BN dimanfaatkan secara petikan langsung. Dari segi pembikinan manifesto itu, intertekstualiti ungkapan Najib Razak secara ketara dan langsung dapat membantu menyokong dan memperkuat ‘aku janji’ mereka selain dapat memformulasi idea seperti dikatakan oleh Bloor & Bloor (2007) di atas.

**Jadual 1. Intertekstualiti ungkapan pemimpin BN**

Contoh Ungkapan Pemimpin BN di Bahagian ‘Aku Janji’ Teras	
Menangani Kos Sara Hidup (hlm. 6)	“Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat adalah matlamat akhir kita”. (hlm. 7)
Peluang Mendapat Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti (hlm. 10)	“Sistem penjagaan kesihatan rakyat Malaysia akan diubah menjadi sistem yang lebih cekap dan berkesan dalam memastikan semua orang berpeluang mendapat penjagaan kesihatan”. (hlm. 10)
Mempromosi Agama Islam, kebebasan dan Keharmonian Agama (hlm. 24)	“Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu mengambil pendirian bahawa jika mana-mana kaum atau agama terluka, maka seluruh masyarakat akan turut terluka”. (hlm. 25)

Contoh Ungkapan Pemimpin BN di Bahagian Renungan (hlm. 31)	
1	“Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional. Kita akan rapatkan hubungan Rakyat dan Kerajaan daripada dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.”
2	“Dalam tempoh 55 tahun memerintah, Kerajaan BN adalah perintis kepada perpaduan kaum yang menjadi teras kestabilan nasional. Tetapi ada pihak lain, semata-mata kerana hendak berkuasa, sanggup menanam benih-benih konflik dan kebencian.”

### *Interdiskursiviti*

Seperti dikemukakan di atas, manifesto didefinisikan sebagai pernyataan bertulis yang diwacanakan kepada publik mengenai kepercayaan, dasar, dan apa yang ingin ditawarkan oleh parti politik sewaktu menghadapi pilihan raya. Kata kunci bagi definisi manifesto ialah ‘pernyataan’. Sekali gus, ini menunjukkan sifat utama wacana manifesto ialah ‘pernyataan’. Bagaimanapun, penghasilan sesebuah wacana lumrahnya tidak bebas daripada pemasukan jenis wacana atau teks lain. Di dalam ilmu analisis wacana, soal ini dinamakan interdiskursiviti. Pemasukan dan penggembleran jenis wacana lain atau *hybridity of texts* atau campuran genre di dalam penghasilan wacana memberi kekuatan dan kesan tertentu kepada wacana / teks yang dihasilkan. Justeru, analisis interdiskursiviti adalah usaha pengenalpastian jenis wacana, teks, atau genre lain di dalam pembinaan sesebuah wacana dan bagaimana dimanfaatkan (Fairclough, 1992).

Manifesto PR didapati dibina dengan unsur interdiskursiviti yang lebih pelbagai berbanding manifesto BN. Manifesto PR menggembler sekurang-kurangnya empat jenis wacana lain (discourse type), iaitu pernyataan, perutusan, penerangan, dan testimoni.

Wacana jenis pernyataan ditempatkan di halaman 3. Pernyataan itu juga merupakan pernyataan masalah. Unsur ‘masalah’ diperlihatkan oleh perenggan 2 (lihat Rajah 4). Pernyataan masalah merupakan satu unsur penting penstrukturan manifesto ini seperti yang telah dibincangkan di atas.

Wacana jenis perutusan pula ditempatkan di halaman 4-5. Perutusan atau dinamakan juga ‘amanat’ merupakan wacana yang berciri sentuhan peribadi seseorang, dalam kes ini ketiga-tiga pemimpin parti di dalam PR, lazimnya untuk peristiwa penting. Perutusan pemimpin PR dibina daripada 12 perenggan yang antara lain mengandungi pemberitahuan tentang intipati gagasan, tawaran dan dasar mereka. Di bahagian atas perutusan tersebut diberikan judul yang merupakan moto mereka, iaitu *Pakatan Harapan Rakyat*.

**MANIFESTO RAKYAT  
PAKATAN HARAPAN RAKYAT**

Malaysia adalah negara berpotensi besar. Rakyatnya yang bersaudara gigih berusaha.  
Negara  
dibina atas landasan agama dan akar budaya diikat oleh muafakat Perlembagaan.

Namun, cita-cita kita direncat oleh elit kekuasaan. Rasuah dan ketamakan membarah.  
Rakyat  
dibiarkan dengan kepayahan hidup.

Setiap daripada kita berhak mendapat yang terbaik. Pendidikan berkualiti, negara  
berkeadilan,  
peluang saksama dan pentadbiran beramanah menanti kita.

Demi kita, demi rakyat, bersama-sama ubah sekarang untuk melakar masa depan  
Malaysia.

**Rajah 4.** *Interdiskursiviti pernyataan manifesto PR*

Wacana jenis penerangan dimanfaatkan oleh PR pada bahagian awal setiap empat tonggak manifesto yang diutarakan, iaitu Rakyat bersaudara (hlm. 8), Ekonomi rakyat (hlm. 14), Kesejahteraan rakyat (hlm. 22), dan Kerajaan rakyat (hlm. 30). Wacana jenis penerangan berfungsi memberi pengetahuan dan kefahaman kepada bakal pengundi tentang dimensi kerajaan yang diperjuangkan oleh PR jika memperoleh kuasa memerintah. Rajah 5 adalah contoh wacana jenis penerangan manifesto PR. Penerangan berkenaan adalah berkaitan gagasan 'ekonomi rakyat', iaitu salah satu tonggak manifesto PRU 13 PR.

Suatu yang menarik bagi manifesto PR ialah adanya wacana jenis testimoni. Sungguhpun secara umum, menurut kamus, testimoni ialah pernyataan rasmi yang benar tentang karekter seseorang atau kualiti sesuatu yang telah berlaku (*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 2005; *Kamus Dewan*, 2005), tetapi PR menginterdiskursifkan testimoninya di dalam manifesto PRU 13-nya (hlm. 34-5) walaupun belum pernah memerintah negara. Testimoni PR itu dibikin dalam bentuk testimoni terkehadapan (*advanced testimony*) dengan tarikh 14 September 2023, iaitu 10 tahun akan datang. Testimoni terkehadapan itu dibentuk dengan keyakinan bahawa PR memenangi PRU 13. Testimoni itu kononnya ditulis oleh seorang rakyat muda yang berjaya dalam tempoh 10 tahun pemerintahan PR.

Manifesto BN pula hanya memiliki dua unsur interdiskursiviti, iaitu perutusan pemimpin dan penerangan. Perutusan pemimpin BN, iaitu Najib Razak diinterdiskursifkan di halaman 3. Seperti dinyatakan, perutusan ialah jenis wacana yang berciri amanat dan pesan yang lazimnya dizahirkan oleh orang yang berwibawa. Perutusan pemimpin BN di dalam manifesto mereka dibina daripada 10 perenggan di dalam satu halaman yang mengandungi intipati penerangan konsep demokrasi, imbauan pesanan bapanya, sejarah keterlibatannya dalam politik, rekod dan wawasan BN, dan permohonan mandat daripada rakyat. Perutusan itu mempunyai judul *Menepati janji, Membawa harapan* di atasnya yang merupakan moto manifesto PRU 13 BN. Yang menarik dan yang membezakan perutusan pemimpin BN dengan PR ialah perutusan pemimpin BN mempunyai ciri sentuhan 'peribadi' Najib Razak dengan sasarannya. Sentuhan peribadi itu diperlihatkan dengan penghaluan (addressed) perutusannya kepada pembaca dengan frasa yang harmoni dan santun, iaitu *Rakyat Malaysia yang dikasihi* diikuti dengan penutup *Salam hormat* bertulis tangan, tandatangan, dan namanya tanpa apa-apa gelaran, serta penggunaan gantiname diri *saya* (lihat Rajah 6).



## EKONOMI RAKYAT

Ekonomi yang mampan dijana oleh rakyat. Rakyat yang makmur dan berkemahiran menyumbang kepakaran dan melonjakkan produktiviti. Kuasa ekonomi yang berpusat di tangan rakyat dilaburkan kembali ke dalam ekonomi negara.

Pakatan Rakyat yakin potensi ekonomi negara dihadang oleh kepentingan elit kekuasaan dan kroni mereka. Kumpulan ini mengaut sejumlah besar kekayaan negara melalui konsesi dan monopoli yang dianugerahkan sedang rakyat terbanyak menanggung bebanan hutang negara.

Kenaikan gaji terbantut. Kos sara hidup dan harga rumah naik mencanak. Yang kaya semakin kaya yang miskin terus miskin. Menjelang tahun 2020, golongan miskin di Malaysia akan mencecah 8 juta orang walaupun ekonomi negara kononnya berkembang sihat. Di bawah pengurusan ekonomi yang sama, setiap generasi Malaysia akan menjadi lebih miskin berbanding generasi ibu bapa mereka.

Makanya, cara kekayaan negara ditadbir memerlukan reformasi radikal. Kembalikan kuasa ekonomi kepada rakyat, tumpukan usaha menaiktaraf ekonomi di peringkat rakyat terbanyak, bukannya menyelamatkan kroni dan syarikat korporat.

Pendekatan ekonomi rakyat yang dibawa oleh Pakatan Rakyat berteraskan satu sasaran yang paling penting: **setiap keluarga di Malaysia akan membawa pulang pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan selepas penggal pertama pemerintahan Pakatan Rakyat di Putrajaya.**

Ini dapat dicapai dengan dasar-dasar yang memfokuskan kepada usaha menguatkan tapak ekonomi rakyat.

Gaji minima diperkenalkan agar tiada rakyat Malaysia yang dibayar upah di bawah keperluan kos hidup. Lebih ramai rakyat Malaysia yang bekerja bermakna lebih tinggi pendapatan setiap isi rumah.

Peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan diutamakan dengan mengurangkan pergantungan kepada buruh asing. Tumpuan membina kemahiran berganda kepada lepasan sekolah akan membolehkan mereka menyertai sektor pekerjaan dan membawa pulang gaji minima.

Reformasi pendidikan wajib menggandingkan tanggungjawab mendidik dan mengembangkan ilmu dengan keperluan ekonomi negara.

Kekayaan dan dana bantuan ditumpukan kepada golongan rakyat terbanyak – baik dari kalangan pesara tentera, usahawan muda dan kecil sehinggalah kepada industri kecil dan sederhana – kerana laba ekonomi yang dijana mereka membawa kesan terus kepada kesejahteraan rakyat terbanyak.

Pakatan Rakyat percaya apabila rakyat kaya, negara pun kaya. Apabila rakyat kukuh ekonominya, ekonomi negara pun berganda.

Pendekatan ekonomi rakyat akan mengembalikan kuasa ekonomi ke tangan rakyat bukannya di tangan kroni.



**Rajah 6.** *Interdiskursiviti perutusan pemimpin manifesto BN*

Unsur interdiskursiviti yang kedua di dalam manifesto BN ialah penerangan. Penerangan ialah pemberitahuan, pemakluman atau keterangan tentang sesuatu. Seperti dinyatakan di atas, pemanfaatan wacana jenis penerangan membolehkan sasaran tahu dan faham tentang sesuatu. Untuk itu, unsur penerangan ditempatkan di awal setiap 17 ‘aku janji’ teras (lihat Rajah 3). Misalnya, dalam ‘aku janji’ teras ‘Menangani kos sara hidup’ (hlm. 6) diterangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan BN untuk meringankan kelompok rakyat yang memerlukan, seperti produk 1Malaysia (Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia), Skim Penyeragaman Harga di Sabah dan Sarawak, Dasar Agro Makanan Negara, bantuan RM100 kepada murid dan RM250 Skim Baucer Buku 1Malaysia, BR1M masing-masing sebanyak RM3000 dan RM2000.

### *Semiotik*

Dimensi semiotik menyerikan dan memberi nilai tambah kepada wacana yang berupaya membantu menarik pembaca. Dalam hal ini, manifesto BN kaya dengan aspek semiotik. Antaranya ialah foto warna, saiz dan warna fon, dan penempatan logo dan moto.

Pada halaman hadapan manifesto BN ditempatkan wajah paras dada pengerusi Barisan Nasional berpakaian formal dalam saiz agak besar, di samping gambarfoto beliau bersama timbalannya, rakyat

pelbagai kaum dan suku kaum, logo parti, slogan, dan moto. Pada halaman kandungan turut diserikan dengan foto-foto yang sesuai dengan 'aku janji' teras. Pada dua halaman tengah (hlm. 16-17) dihiasi dengan foto-foto warna tokoh-tokoh negara dalam pelbagai bidang, seperti bekas Perdana Menteri, ahli sukan, tokoh seniman, foto Yang Dipertuan Agong, tokoh tentera, dan sebagainya. Foto-foto berkenaan disusunatur dalam lingkaran bercorak bulat atau *globe*.

Saiz fon dibezakan mengikut fungsi, sama ada sebagai judul, subjudul, dan isi. Warna fon juga dibezakan mengikut subbahagian dan judul. Warna fon untuk 17 'aku janji' teras ialah keemasan, bahagian titik tolak berwarna hitam, 'aku janji' 5 tahun berwarna keemasan, manakala bahagian pencapaian berwarna biru.

Bagi bahagian 'aku janji' 5 tahun, dihiasi dengan gambar tapak tangan 5 jari. Ini bagi menguatkan makna tempoh yang diutarakan, di samping boleh ditafsir sebagai lambang 'ikrar' atau janji (lihat Rajah 3).

Di halaman belakang juga dihiasi dengan logo parti BN dan beberapa gambarfoto berkaitan serta satu slogan lain. Slogan di halaman belakang berbunyi *Pilihan Rakyat* ditempatkan di bawah logo BN. Slogan sedemikian dan peletakannya menjadikan BN semacam satu jenama.

Manifesto PR kurang menggembleng aspek semiotik. Antara unsur semiotik yang ada ialah warna, ikon, saiz fon, dan logo parti. Manifesto PR memanfaatkan tiga warna, iaitu latar putih, fon teks hitam, dan fon judul dan isi penting berwarna jingga. Saiz fon judul dan isi penting dibesarkan dan sesetengahnya ditonjolkan (*highlighted*) dengan warna jingga. Di halaman hadapan dan halaman tonggak dihiasi dengan ikon-ikon seperti dalam peranti telekomunikasi kini, misalnya ikon simbol manusia, rumah, graf, pensel, dan lain-lain. Pemanfaatan ikon adalah sesuai dengan trend generasi muda kini dan mampu menarik sokongan golongan ini. Logo ketiga-tiga parti dalam warna ditempatkan di halaman hadapan sahaja dengan susunan sebaris, logo DAP diapit oleh logo PKR dan PAS. Saiz logo tersebut agak kecil.

PENONJOLAN PEMIMPIN - Satu lagi yang membezakan dua manifesto ini ialah ciri penonjolan pemimpin. BN dengan ketara menonjolkan pemimpin nombor satunya berbanding manifesto PR. Penonjolan pemimpin nombor satu – Najib Razak dilakukan di dalam manifesto BN melalui pemuatan foto, perutusan, tandatangan, dan ungkapan beliau. Dengan strategi penonjolan begitu, BN seolah-olah memanfaatkan strategi pilihan raya yang diamalkan oleh negara yang memilih Presiden, seperti Amerika Syarikat, Indonesia, Perancis, dan lain-lain dan seolah-olah menjadikan PRU 13 sebagai medan pertandingan antara beliau dan pemimpin PR – Anwar Ibrahim dan Abdul Hadi Awang (lihat juga laporan *Berita Harian* 7 April 2013b).

PR sebaliknya sangat kurang menonjolkan pemimpin-pemimpin utama mereka. Tiada foto, tiada ungkapan, dan tiada tandatangan. Yang ada hanya perutusan bersama pemimpin ketiga-tiga parti itu dengan nama dan status masing-masing di bawahnya. Ini mungkin kerana PR bukannya sebuah pakatan berdaftar. Lagi pun, ketiga-tiga parti mempunyai pemimpin masing-masing yang setara, maka penonjolan pemimpin sukar dilakukan.

## Ciri tekstual

Analisis ciri tekstual mengupas antara lain aspek pengleksikalan dan nahuan yang tersurat di dalam manifesto.

### *Pengleksikalan*

Di dalam analisis aspek leksikal ditemui beberapa ciri leksikal yang menonjol bagi kedua-dua manifesto, iaitu penggunaan slogan dan moto, kata identifikasi parti dan kata rujukan utama.

MOTO DAN SLOGAN – Moto ialah frasa singkat yang mengekspresi tujuan atau kepercayaan seseorang atau organisasi. Slogan pula ialah frasa singkat yang mudah diingat dan digunakan untuk

mbolehkan orang perasan (*notice*) tentangnya. Kedua-dua manifesto ada slogan dan moto yang ditempatkan di muka hadapan (lihat Rajah 7).

Moto manifesto PR ialah *Manifesto Rakyat*, manakala slogannya ialah *Pakatan Harapan Rakyat*. Slogan dan moto PR dibentuk melalui frasa nama. Walaupun definisi kamus kata slogan ialah berkaitan ‘frasa’ (*Cambridge Advanced Learner’s Dictionary*, 2005) tetapi pembinaan slogan dan moto daripada frasa nama lebih bersifat penamaan semata-mata. Penamaan tidak memperlihatkan pengemukaan maklumat atau perkara baru.

Moto manifesto BN pula ialah *Rakyat didahulukan!*, manakala slogannya ialah *IBN Malaysia – menepati janji, membawa harapan*. Berbeza dengan PR, moto dan slogan BN dibentuk daripada klausa dan bukannya frasa. Pembentukan slogan dan motto melalui klausa bermakna ada maklumat atau perkara baru yang ingin dikemukakan. Ini kerana klausa terbina daripada ‘subjek + predikat’ atau mengikut nahu fungsional, klausa ada ‘Tema + Rema (Rheme)’ atau ‘topik + komen’. Binaan nahan klausa membawa maklumat sempurna. Maklumat sempurna yang dimaksudkan ialah maklumat baru yang terletak pada unsur predikat atau rema atau komen (lihat Jadual 2 dan 3).

Selain itu, moto manifesto BN dibentuk melalui klausa pasif, iaitu struktur ‘Sasaran + Proses’, dengan ‘rakyat’ sebagai sasaran, manakala ‘didahulukan’ adalah proses atau lakuan. Pembentukan moto secara klausa pasif bermakna yang ingin pentingkan oleh BN ialah rakyat. Ini kerana dari segi linguistik, unsur ayat yang di hadapan adalah unsur yang ingin dipentingkan. Tambahan, moto itu juga adalah dalam modus seruan. Ini memberi lebih penekanan dan kesan apabila dibaca.

**Jadual 2. Analisis moto manifesto BN**

Klausa Moto	
rakyat	didahulukan!
TEMA / TOPIK / MAKLUMAT LAMA	REMA / KOMEN / MAKLUMAT BAHARU
SASARAN	PROSES

Slogan manifesto BN pula dibentuk melalui klausa aktif, dengan *IBN Malaysia* sebagai frasa pemeran dan dua frasa proses lakuan, iaitu *menepati janji* dan *membawa harapan*. Dengan struktur klausa aktif ‘Pemeran + Proses’ bermakna yang ingin dipentingkan ialah ‘pemeran’. Dalam hal ini, BN sebagai pemeran itulah yang berkelakuan ‘menepati janji’ dan ‘membawa harapan’.


**Jadual 3. Analisis slogan manifesto BN**

Klausa Slogan	
IBN Malaysia	menepati janji
	membawa harapan
TEMA / TOPIK / MAKLUMAT LAMA	REMA / KOMEN / MAKLUMAT BAHARU
PEMERAN	PROSES

Yang menariknya, kedua-dua manifesto didapati memanfaatkan dan berkongsi kata *rakyat* sebagai kata kunci di dalam pembinaan moto dan slogan masing-masing. Yang membezakan mereka ialah cara kata tersebut dimanfaatkan. Manifesto PR memanfaatkan kata *rakyat* sebagai namaan sahaja, iaitu *manifesto rakyat* dan *pakatan harapan rakyat*. Sedangkan manifesto BN memanfaatkan kata *rakyat* sebagai sasaran diutamakan. Ini kerana kata *rakyat* diutarakan dalam klausa pasif *rakyat didahulukan!* Struktur klausa pasif ialah Sasaran (*rakyat*) + Proses/Lakuan (*didahulukan*).

IDENTIFIKASI PARTI - Identifikasi diri merupakan satu usaha yang penting bagi sesebuah parti politik. Pengidentifikasian diri rapat kaitannya dengan promosi diri (*self promotion*). Analisis identifikasi parti merujuk kepada kaedah kedua-dua parti memperkenalkan parti masing-masing dan pada masa yang sama bagaimana mereka ingin dikenali. Analisis identifikasi menjurus kepada pemanfaatan klausa pemeran, iaitu klausa yang memanfaatkan kata proses pemeran ‘ialah’, ‘adalah’, dan ‘merupakan’. Kata

pemerani berkenaan berupaya menggambarkan identiti kerana kata tersebut bersifat menyamakan dua unsur pemerani (*participants*) sebelum dan selepasnya di dalam klausa.



**Rajah 7.** Muka hadapan manifesto BN dan PR yang menunjukkan slogan dan motto

Daripada analisis didapati, BN lebih teguh mengidentifikasikan parti mereka berbanding PR. Keteguhan ditafsir daripada kekerapan usaha mengidentifikasi parti dan cara linguistik dimanfaatkan. Dari sudut kekerapan, BN melakukan usaha identifikasi sebanyak tiga kali, sedangkan PR hanya sekali. Dari sudut linguistik, kedua-dua manifesto memanfaatkan kata 'adalah' untuk mengidentifikasi siapa mereka. Jadual 4 menunjukkan pengidentifikasian parti melalui kata pemerani 'adalah' bagi kedua-dua manifesto dan analisis linguistiknya.

Dalam mengidentifikasikan partinya, manifesto PR memanfaatkan klausa pemerani *Kita adalah sebuah kerajaan yang amanah*. *Kita* adalah pemerani<sub>1</sub> dan *sebuah kerajaan yang amanah* adalah pemerani<sub>2</sub>. Hubungan antara kedua-dua pemerani tersebut adalah hubungan kesamaan yang ditandai oleh kata pemerani *adalah*. Ini bermakna PR mengidentifikasikan parti mereka sebagai 'kerajaan yang amanah'. Identifikasi tersebut mungkin berasaskan pentadbiran mereka di empat buah kerajaan negeri sahaja, iaitu Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, dan Selangor, dan bukannya pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Bagaimana sifat amanah diukur atau disahkan tidak pula dikemukakan. Bagaimanapun, ganti nama rujukan *kita* dalam data ini membawa makna yang kabur. Pertama, *kita* boleh merujuk PR secara inklusif (PR + rakyat) jika dikaitkan dengan slogan mereka, iaitu *manifesto rakyat*. Kedua, kata itu boleh juga merujuk PR secara eksklusif kerana di banyak tempat lain di dalam manifesto itu mereka merujuk diri mereka dengan kata 'kami' (lihat bahagian berkaitan di bawah).

**Jadual 4.** Klausa pemerani dan identifikasi parti

Manifesto	Klausa		
PR	1. Kita	adalah	sebuah kerajaan yang amanah (hlm. 4)
BN	1. Kerajaan BN	adalah	perintis kepada perpaduan kaum yang menjadi teras kestabilan nasional (hlm. 3)
	2. Kami	adalah	parti yang mempunyai rekod pencapaian mantap dan menunaikan segala janji (hlm. 4)
	3. Kami	adalah	gabungan yang dinamik (hlm. 5)
Analisis	Pemerani <sub>1</sub>	Pemerani	Pemerani <sub>2</sub>

BN pula mengidentifikasikan parti melalui tiga klausa pemer, masing-masing pada halaman 3, 4, dan 5 (lihat Jadual 4). Dua daripada klausa itu, BN memanfaatkan ganti nama rujukan *kami* dan dan satu *kerajaan BN* sebagai pemeran, untuk mengidentifikasikan parti. Melalui ganti nama tersebut dan kata pemer 'adalah', BN diidentifikasi sebagai 'perintis kepada perpaduan kaum yang menjadi teras kestabilan nasional', 'parti yang mempunyai rekod pencapaian mantap dan menunaikan segala janji', dan 'gabungan yang dinamik'. Berbanding PR, rujukan kepada BN lebih teras terang dan langsung melalui kata ganti nama 'kami' dan 'kerajaan BN'. Identifikasi BN seperti diutarakan itu mungkin diasaskan daripada rekod kewujudan dan prestasi mereka sebagai kerajaan persekutuan sejak Malaysia merdeka pada 1957.

KATA RUJUKAN UTAMA - Analisis kata rujukan utama menjurus kepada penelitian kata nama atau kata ganti nama yang digunakan oleh kedua-dua pihak di dalam manifesto masing-masing bagi merujuk atau memanggil parti dan rakyat. Kata rujukan atau panggilan adalah penting terutama dalam konteks interaksi, sungguhpun di dalam manifesto interaksinya bersifat sehalu. Penggunaan kata rujukan berlangsung sama ada secara formal atau kurang/tidak formal dan berupaya menunjukkan bentuk jarak hubungan sosial yang cuba dibina. Ketaksesuaian kata rujukan atau panggilan boleh menimbulkan ketakselesaan dan menjejaskan interaksi. Analisis ini mengenal pasti beberapa kata rujukan yang digunakan oleh kedua-dua pihak di dalam manifesto masing-masing. Lihat Jadual 5.

**Jadual 5. Kekekapan penggunaan kata rujukan manifesto PRU 13 BN dan PR**

BN		PR	
+ FORMAL	1. <i>kerajaan BN</i> – 10 2. <i>kerajaan</i> - 2	+ FORMAL	1. <i>Pakatan Rakyat</i> – 63 2. <i>kerajaan</i> – 1 3. <i>kerajaan persekutuan</i> - 1
-/< FORMAL	1. <i>kita</i> (inklusif) – 16 2. <i>kita</i> (eksklusif) – 8 3. <i>kami</i> – 5+17 4. <i>saya</i> - 10	-/< FORMAL	1. <i>kita</i> (inklusif) – 2 2. <i>kita</i> (eksklusif) – 7 3. <i>kami</i> - 2

Secara umum, dapat dilihat bahawa PR berkecenderung memanfaatkan kata rujukan secara formal berbanding BN di dalam manifesto mereka. Buktinya, PR menggunakan tiga bentuk kata rujukan formal, iaitu *Pakatan Rakyat*, *kerajaan* dan *kerajaan persekutuan* dengan kekekapan penggunaan yang agak tinggi (63, 1, 1). BN pula memanfaatkan dua bentuk kata rujukan formal, iaitu *kerajaan BN* dan *kerajaan* dengan kekekapan penggunaan yang jauh lebih rendah (10, 2). Bagi kata rujukan yang kurang/tidak formal pula, BN didapati memanfaatkan empat bentuk, iaitu *kita* (inklusif), *kita* (eksklusif), *kami*, dan *saya*, manakala PR memanfaatkan tiga bentuk kata rujukan, iaitu *kita* (inklusif), *kita* (eksklusif), dan *kami*. Kekekapan penggunaan kata rujukan kurang/tidak formal oleh BN adalah lebih tinggi, iaitu masing-masing 16, 8, 22, 10 berbanding PR. Pola penggunaan kata rujukan sedemikian sedikit sebanyak dapat membayangkan bentuk hubungan sosial yang ingin dibina oleh kedua-dua parti, iaitu PR lebih formal; BN kurang/tidak formal.

Dari segi kata rujukan kurang/tidak formal, BN memanfaatkan *kita* inklusif jauh lebih banyak berbanding PR. *Kita* inklusif masing-masing merujuk BN dan rakyat, dan PR dan rakyat. *Kita* eksklusif digunakan hampir seimbang antara BN dan PR. *Kita* eksklusif merujuk pada parti masing-masing sahaja. *Kita* eksklusif sebenarnya membawa maksud yang sama dengan *kami* tetapi fenomena mutakhir ini memperlihatkan masyarakat bahasa Melayu berkecenderungan menggunakan kedua-duanya secara bersilih ganti. Bagaimanapun, untuk membantu mengenal pasti pola penggunaannya, sama ada inklusif atau eksklusif pemahaman konteks sangat dituntut. Justeru, penggunaan *kita* eksklusif sebenarnya mempunyai nilai pemanipulasian hubungan sosial. Berbanding PR, BN juga mendahului penggunaan *kami*. *Kami* secara langsung merujuk parti masing-masing. Manifesto BN turut memanfaatkan kata rujukan *saya* yang merujuk secara peribadi kepada pemimpin utama mereka, iaitu Najib Razak. Dengan demikian, kata rujukan *saya* hanya ditemui di bahagian perutusan manifesto BN. Manifesto PR tidak

mempunyai kata rujukan ini. Penggunaan *saya* membawa sentuhan peribadi (*personal touch*) kepada sasaran. Jadual 6 menunjukkan contoh pemanfaatan kata rujukan yang dibincangkan.

**Jadual 6. Contoh penggunaan kata rujukan dalam manifesto BN dan PR**

Manifesto	Kata Rujukan	Contoh Penggunaan
BN	<i>kerajaan BN</i>	1. Dasar <i>Kerajaan BN</i> selama bertahun-tahun adalah memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi. (hlm. 9)
	<i>kerajaan</i>	2. Memerangi dan menghapuskan rasuah akan terus menjadi salah satu keutamaan <i>Kerajaan</i> . (hlm. 26)
	<i>kita</i> (inklusif)	3. (a) <i>Kita</i> perlu mempertahankan apa yang telah kita capai. (hlm. 4) (b) <i>Kita</i> perlu melindungi semua anugerah alam ini ketika mencari kaedah untuk memanfaatkan tenaga semula jadi itu. (hlm. 30)
	<i>kita</i> (eksklusif)	4. <i>Kita</i> akan meneruskan usaha membersihkan sungai dan punca-punca air demi memulihara hutan hujan kita bagi kepentingan generasi akan datang. (hlm. 30)
	<i>kami</i>	5. <i>Kami</i> akan meneruskan rekod kecemerlangan ini. (hlm. 4)
	<i>saya</i>	6. <i>Saya</i> minta diberi peluang untuk memimpin sebuah Kerajaan yang mendahulukan kepentingan dan kebajikan rakyat. (hlm. 3)
PR	<i>Pakatan Rakyat</i>	1. <i>Pakatan Rakyat</i> akan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Gabungan Sekolah Menengah Cina) atau UEC bagi tujuan kemasukan ke institusi pendidikan tinggi dan menerimapakai kelayakan bagi tujuan permohonan kerja. (hlm. 9)
	<i>kerajaan</i>	2. <i>Kerajaan</i> akan menyumbang RM50 sebulan bagi setiap isteri dan caruman akan diuruskan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO), sebagai sebahagian dari jaringan keselamatan sosial. (hlm. 8)
	<i>kerajaan persekutuan</i>	3. <i>Kerajaan Persekutuan</i> membebaskan dan memohon maaf kepada kesemua tahanan ISA dari dulu hingga sekarang. (hlm. 32)
	<i>kita</i> (inklusif)	4. Namun, cita-cita <i>kita</i> direncat oleh elit kekuasaan. (hlm. 3)
	<i>kita</i> (eksklusif)	5. (a) <i>Kita</i> adalah sebuah kerajaan yang amanah. (hlm. 4) (b) Tunjang pentadbiran <i>kita</i> adalah tata kelola yang baik berteraskan prinsip moral dan nilai sejagat. (hlm. 4)
	<i>kami</i>	6. <i>Kami</i> akan menaikkan bayaran royalti ke atas petroleum dan sumber hidrokarbon kepada Sarawak dan Sabah dari 15% ke 20%. (Hlm. 10)

### *Nahuan*

TRANSITIVITI - Transitiviti merujuk pada jenis suara dalam klausa, sama ada aktif atau pasif. Penanda suara aktif atau pasif terletak pada kata kerja utama atau kata proses di dalam klausa. Selain itu, struktur binaan klausa juga berbeza. Klausa aktif berstruktur Pemeran + Proses/Kata Kerja Utama + Sasaran, manakala klausa pasif berstruktur Sasaran + Proses/Kata Kerja Utama + (Pemeran), atau Proses/Kata Kerja Utama + (Pemeran) + (Sasaran), dengan unsur di dalam braket bersifat opsyenal. Seperti dinyatakan di bahagian terdahulu, corak binaan struktur klausa dapat membayangkan keutamaan penulis atau penutur di dalam klausa yang dihasilkan. Lumrahnya, unsur klausa yang di hadapan adalah unsur yang diutamakan. Ini bermakna, klausa aktif mengutamakan pemeran pelaku, manakala klausa pasif mengutamakan pemeran sasaran. Jadual 7 menunjukkan contoh penggunaan transitiviti di dalam kedua-dua manifesto.

**Jadual 7. Contoh dan analisis transitiviti manifesto 2013 BN dan PR**

Manifesto	Transitiviti	Contoh
BN	Aktif	1. Selama ini, <sup>ADVERBA</sup> Kerajaan yang diterajui BN <sup>PEMERAN</sup> telah membawa <sup>PROSES</sup> kemakmuran kepada segenap segmen masyarakat Malaysia. <sup>SASARAN</sup> (hlm. 4) 2. Dalam tempoh 5 tahun ini, <sup>ADVERBA</sup> kami <sup>PEMERAN</sup> berjanji untuk membina <sup>PROSES</sup> 1,000,000 rumah mampu milik – digerakkan oleh sektor awam dan swasta – termasuk 500,000 buah rumah PR1MA. <sup>SASARAN</sup> (hlm. 9) 3. Setakat ini, <sup>ADVERBA</sup> kami <sup>PEMERAN</sup> telah menyediakan <sup>PROSES</sup> kemudahan tabung RM1.2 bilion untuk PR1MA bagi pembinaan 80,000 rumah di lokasi permintaan tinggi pada 2013. <sup>SASARAN</sup>
	Pasif	Pertumbuhan dan pembangunan negara ini <sup>SASARAN</sup> banyak disumbangkan <sup>PROSES</sup> oleh penjawat awam. <sup>PEMERAN</sup> (hlm. 27)
PR	Aktif	Pendekatan ekonomi rakyat <sup>PEMERAN</sup> akan mengembalikan <sup>PROSES</sup> kuasa ekonomi ke tangan rakyat bukannya di tangan kroni. <sup>SASARAN</sup> (hlm. 14)
	Pasif	Rakyat <sup>SASARAN</sup> dibiarkan dengan kepayahan hidup. <sup>PROSES</sup> (hlm. 3)

Analisis transitiviti ini meneliti penggunaan kedua-dua suara klausa di dalam kedua-dua manifesto di bahagian teras sahaja. Klausa di bahagian perutusan, ungkapan pemimpin, renungan, dan testimoni tidak diteliti. Fokusnya adalah meneliti suara apa yang dominan dan mengapa.

**Jadual 8. Penggunaan transitiviti manifesto 2013 BN dan PR**

Manifesto	Jenis Transitiviti	Kekerapan	Peratus
BN	Aktif	357	93
	Pasif	27	7
PR	Aktif	246	76
	Pasif	78	24

Daripada analisis didapati walaupun secara permukaan, manifesto PR kelihatan sarat dengan teks tetapi bilangan klausa / ayat yang membinanya kurang berbanding manifesto BN (lihat Jadual 8). Tetapi ini tidak bermakna manifesto PR itu kurang kata-kata kerana manifesto itu banyak dibentuk daripada frasa juga. Yang dikatakan frasa ialah gugusan kata yang tiada unsur proses/kata kerja utama. Dengan demikian, frasa tidak mengutarakan maklumat baharu, sebaliknya sekadar penamaan. Sedangkan yang dikatakan klausa ialah gugusan kata yang mengandungi unsur proses/kata kerja utama yang mempunyai maklumat baharu yang boleh merupakan mesej, komen atau komitmen. Oleh itu, aspek teks yang dibina daripada frasa semata-mata semacam kurang memberi kesan kepada pembaca sasaran dan dalam masa yang sama kurang menunjukkan kebertanggungjawaban penghasil wacana. Teliti perbezaan kesan penggunaan frasa dan klausa di dalam data manifesto PR dalam Rajah 8. Frasa yang dipetik daripada halaman 8 manifesto PR sekali imbas semacam ayat atau klausa kerana memiliki gugusan kata yang agak banyak. Hakikatnya, gugusan kata itu hanyalah frasa kerana tiada unsur proses/kata kerja utama. Dengan membina frasa sahaja, ketara tiada apa yang cuba diutarakan. Ini berbeza dengan klausa yang dipetik dari halaman 11 yang jelas mengutarakan mesej ‘menghapuskan’ sesuatu.

FRASA - Dasar Keberdayaan Wanita untuk memenuhi sasaran nasional 30% penglibatan wanita di peringkat pengurusan, kepimpinan dan pentadbiran sektor awam dan swasta menjelang 2017 (hlm. 8)

KLAUSA – Menghapuskan <sup>PROSES</sup> sistem kabotaj yang menyemakalahkan harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi dan membebankan rakyat. <sup>SASARAN</sup> (hlm. 11)

**Rajah 8. Frasa dan klausa manifesto PR**



Secara perbandingan, dari segi penggunaan, manifesto BN didapati menggembleng 93 peratus klausanya dalam suara aktif, manakala PR sebanyak 76 peratus. Dengan menggembleng klausa aktif secara dominan serta mengatasi penggunaan PR bermakna wacana manifesto BN itu dibina untuk lebih mengutamakan pemeran pelaku untuk melakukan sesuatu. Ini kerana di dalam binaan klausa aktif, pemeran pelaku ditempatkan di hadapan proses. Pemeran pelaku yang dimaksudkan di dalam konteks manifesto tersebut ialah parti/kerajaan BN sendiri (lihat Jadual 7). Dengan kata lain, manifesto BN secara total berorientasikan pemeran pelaku (*doer oriented*). Ciri linguistik sebegini adalah munasabah dalam pembikinan manifesto kerana pada dasarnya manifesto memang bersifat penawaran apa yang boleh parti lakukan untuk pengundi/rakyat.

Sementara itu, manifesto PR didapati memanfaatkan klausa pasif lebih tinggi berbanding manifesto BN, iaitu 24 peratus walaupun peratusannya tidak sebanyak klausa aktif. Ini bermakna satu perempat klausa manifesto PR dibina daripada klausa pasif. Kelebihan penggunaan klausa pasif membayangkan bahawa penghasil manifesto ingin turut mengutamakan pemeran sasaran di dalam tindakan mereka. Sasaran dalam konteks manifesto tersebut ialah rakyat (lihat Jadual 7). Dengan gabungan pemanfaatan 76 peratus klausa aktif dan 24 peratus klausa pasif pula bermakna manifesto PR di samping berorientasikan pemeran pelaku, turut berorientasikan pemeran sasaran, iaitu pihak yang mendapat kesan daripada tawaran atau tindakan.

## Kesimpulan

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 Malaysia telah diadakan pada 5 Mei 2013. Dalam PRU ke-13 itu, sebanyak 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri dipertandingkan. Parti-parti yang bertanding ialah Barisan Nasional (BN) - parti kerajaan, Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Demokratik Rakyat (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), STAR, SAPP, Berjasa, KITA, PCM, dan SWP ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)) – parti pembangkang. BN adalah gabungan 13 parti yang sentiasa menggunakan satu lambang dalam menghadapi pilihan raya ([barisannasional.org.my](http://barisannasional.org.my)), manakala, PKR, DAP, dan PAS adalah pakatan longgar yang menggunakan simbol masing-masing dalam menghadapi PRU ke-13 itu. Parti-parti yang lain adalah parti kecil yang hanya bertanding di beberapa kerusi. Di dalam PRU 13 itu, BN sekali lagi diberi mandat untuk memerintah negara setelah memperolehi 133 kerusi parlimen, manakala DAP, PAS, dan PKR yang membentuk Pakatan Rakyat masing-masing memperoleh 38, 21, dan 30 kerusi Parlimen. Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), BN memerintah 10 negeri, DAP 1 negeri, PAS 1 negeri, dan PKR 1 negeri. Di dalam proses pilih raya tersebut tidak dapat dinafikan dimensi linguistik telah digembleng oleh parti politik untuk mendapat kuasa.

Makalah ini membincangkan dimensi linguistik PRU 13 Malaysia – satu dimensi yang sering dipinggirkan di dalam analisis politik, sedangkan bahasa sangat relevan untuk membolehkan politik berfungsi. Makalah ini berpendirian bahawa bahasa atau aspek linguistik mempunyai peranan dalam proses pemerolehan kuasa pemerintahan negara atau proses politik. Di dalam makalah ini, telah dianalisis cara pemanfaatan bahasa oleh dua parti politik bagi mencapai proses tersebut. Aspek bahasa berkenaan diserlahkan di dalam manifesto pilihan raya yang dihasilkan. Bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa aspek linguistik/bahasa bukanlah satu faktor tunggal yang menentukan kejayaan sesuatu parti politik dalam proses pemerolehan kuasa. Banyak lagi faktor lain turut menyumbang kepada proses tersebut. Sebaliknya, kajian ini ingin menunjukkan bahawa dimensi linguistik tidak wajar dipinggirkan dalam analisis politik kerana bahasa adalah cetusan proses kehidupan sosial yang sangat berpotensi dan merupakan wadah untuk manusia bertindak terhadap dunia.

## Penghargaan

Penghargaan kepada dana penyelidikan DPP-2013-189 Pilihan Raya Umum ke-13: Politik Lama vs. Politik Baru.

## Rujukan

- Barisannasional.org.my [cited June 2013].
- Berita Harian* (28 Februari 2013) Pembangkang hanya pandai tabur janji: Dr. M. Hlm. 8
- Berita Harian* (7 April 2013a) 17 'aku janji' BN kepada rakyat. Hlm. 1.
- Berita Harian* (7 April 2013b) Pilih Najib, undi BN: Perdana Menteri minta rakyat buat pilihan antara beliau, Anwar, Hadi. Hlm. 2.
- Bloor M, Bloor T (2007) *The practice of critical discourse analysis: An introduction*. Hodder Education, London.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary* (2005) Cambridge University Press, Cambridge.
- Fairclough N (1992) *Discourse and social change*. Polity Press, Cambridge.
- Fairclough N (1995) *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman, London.
- Fairclough N (2000) *New labour, New language?* Routledge, London and New York.
- Fairclough N (2003) *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. Routledge, London.
- Hoey M (1983) *On the surface of discourse*. George, Allen and Unwin, London.
- Idris Aman (2009) Discourse and striving for power: An analysis of Barisan Nasional's 2004 Malaysian General Election manifesto. *Discourse & Society* 20(6), 659-684.
- Idris Aman (2012) Discourse in social life: From the world of language to real world linguistics. Plenary paper for UKM International Conference on Linguistics 2012 (PALing @ UKM 2012). 10-11 April. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal, Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) Strategi wacana teks akademik Sains dan teknologi. Kertas kerja Kolokium Penyelidikan II/005/2012 Analisis Wacana Saintifik Bahasa Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 17 Jun.
- Jones RH (2012) *Discourse analysis*. Routledge, London and New York.
- Kamus Dewan* (2005) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- mforum.cari.com.my [cited 7 June 2013].
- Mingguan Malaysia* (7 April 2013). 'aku janji' membela rakyat – PM. Hlm. 2.
- rafiziramli.com. [cited 7 June 2013].
- Sinar Harian* (2 Februari 2013). Manifesto bukan sekadar tabur janji. [cited 2 July 2013]. Available from: [www.sinarharian.com.my/kolumnis](http://www.sinarharian.com.my/kolumnis).
- Sunday Times* (7 April 2013) "It all boils down to TRUSTWORTHINESS". Hlm. 1-2.
- Van Dijk T (1991) *Racism and the press*. Routledge, London.
- www.spr.gov.my [cited 1 July 2013].